

17/04/1997

Tugas berat MB baru Selangor

Razali Zakaria

SEBAIK saja Tan Sri Muhammad Muhd Taib meletak jawatan sebagai Menteri Besar, Perdana Menteri mempunyai satu tugas besar dan berat untuk menentukan siapa yang mampu meneruskan agenda kemajuan Selangor, negeri yang menjadi perhatian dan contoh perkembangan sektor industri.

Apa lagi bagi menerajui sebuah negeri seperti Selangor yang pembangunannya pantas baik dari segi ekonomi, politik dan sosial serta dianggap tonggak kemajuan negara, sebaik saja ekonomi dunia pulih lewat tahun 80-an lalu.

Dalam masa pembangunan Selangor sedang menggelegak untuk mencapai satu tahap yang akan mengangkatnya ke negeri maju, kehilangan Muhammad yang menunjukkan komitmennya sejak menjadi Menteri Besar 11 tahun lalu, amat dirasai.

Kini, rata-rata penduduk Selangor tertunggu-tunggu siapakah yang akan menghuni tingkat 21 Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan kediaman rasmi di Bukit Melawati, Shah Alam.

Biar siapapun yang akan diumumkan menggantikan Muhammad, cabaran dan tekanan tugas sebagai Menteri Besar bukannya mudah.

Lantaran itu, tugas berat yang akan dipikul bagi mencorak masa depan Selangor dalam menuju alaf akan datang tidak boleh diserahkan kepada orang yang tidak layak.

Dalam konteks negeri itu yang jumlah pelaburan asingnya bernilai berbilion ringgit serta pembangunan dalamnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah pasti memilih calon yang mempunyai daya tahan dan lawan yang tinggi.

Segala-galanya tidak akan tercapai tanpa usaha gigih dan semangat kental lima Menteri Besar yang lalu dalam mengharungi cabaran membawa rakyat ke arah pembangunan lebih pesat.

Selangor menetapkan matlamat untuk muncul sebagai sebuah negeri perindustrian pada tahun 2005 iaitu 15 tahun lebih awal daripada matlamat Wawasan 2020 ilham Dr Mahathir.

Pemimpin baru mempunyai tugas yang berat memimpin Selangor kerana banyak projek yang sedang dan akan dilaksanakan. Antaranya, menjadikan Selangor negeri industri menjelang 2005, Koridor Raya Multimedia (MSC), Sekretariat Melayu Antarabangsa, Teknologi Maklumat (IT), Melayu Baru dan Taman Fikrah.

Rakyat dan penduduk Selangor sudah matang dan prihatin dalam menentukan siapa pemimpin mereka. Sudah pasti keadaan ini disedari dan diambil kira oleh Perdana Menteri untuk memilih Menteri Besar Selangor keenam.

Dan, tidak semestinya mereka yang duduk dalam barisan Exco negeri terpilih bagi menjawat jawatan eksekutif tertinggi peringkat negeri, sebaliknya Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) yang lain juga mempunyai kelayakan sebagai pemimpin.

Misalnya, Muhammad sendiri yang dilantik sebagai Menteri Besar selepas 10 hari pilihan raya umum 1986, bukan dari kalangan Exco negeri. Pelantikan itu, sebenarnya tidak diduga kerana beliau ketika itu dianggap masih baru dalam arena politik Selangor.

Tetapi, oleh kerana beliau dilihat mempunyai kriteria, termasuk prestasi, kewibawaan serta kepemimpinan yang dinamik, Perdana Menteri akhirnya memilih beliau sebagai Menteri Besar menggantikan Datuk Ahmad Razali Mohd Ali, bukannya Ahli Exco atau mereka yang lebih senior.

Oleh itu, tidak mustahil jika Menteri Besar keenam Selangor yang

terpilih bukan dari kalangan Exco negeri. Sebenarnya, latar belakang pemimpin juga adalah kriteria penting supaya diteladani, disayangi serta disanjung tinggi oleh rakyat, rakan dan lawan.

Selangor mempunyai enam Ahli Exco daripada Umno serta 24 Adun Umno yang mempunyai peluang menjadi Menteri Besar.

Sesungguhnya, Selangor tidak ketandusan pemimpin muda dan berwibawa serta berkelulusan tinggi dari universiti di dalam dan luar negara yang boleh diberi peluang mencorak rupa bentuk masyarakat dan agenda pembangunan negeri itu, tanpa dibayangi cita-cita Muhammad.

Seperti yang dikatakan Muhammad: "Tidak kira siapa yang bakal pengganti saya, yang penting semua ahli dan pemimpin Umno di negeri ini mesti memberi sokongan penuh.

"Elakkan sebarang pecah-belah yang boleh memburukkan keadaan kerana sebagai pemimpin tertinggi Selangor, tugas yang akan dilaksanakan amatlah mencabar. Semuanya terpulang kepada Perdana Menteri kerana beliau tahu siapa yang layak menjadi Menteri Besar."

(END)